



Ruj. Tuan :
 Ruj. Kami : JPNJ.PS.600-11/1/1/Jld.2(35)
 Tarikh : 26 Oktober 2020

Prof. Madya Ir. Dr. Hayati Binti Abdullah
 Pengerusi Program New Academia Learning Innovation (NALI) 2020
 Universiti Teknologi Malaysia
 81310 Johor Bahru, Johor.

Yang Berbahagia Profesor Madya,

PROGRAM PAMERAN DAN PERTANDINGAN NEW ACADEMIA LEARNING INNOVATION (NALI 2020)

Dengan segala hormatnya surat tuan bertarikh 06 Oktober 2020 berhubung perkara di atas dirujuk. Jabatan Pendidikan Negeri Johor merakamkan penghargaan dan terima kasih atas pelawaan pihak tuan untuk melibatkan sekolah Negeri Johor dalam program di atas.

2. Jabatan ini telah mempertimbang permohonan dan mengambil kira penglibatan guru bagi menghadiri program tersebut. Kementerian Pendidikan Malaysia melalui **Surat Siaran Bil.2/2016 : Peringatan Pelaksanaan Bekerja Lima Hari Seminggu**, telah menetapkan bahawa setiap program, aktiviti atau mesyuarat yang melibatkan guru-guru dan murid pada hari Sabtu yang dibenarkan ialah hari Sabtu minggu kedua dan minggu keempat sahaja. **Tiada sebarang aktiviti, program atau mesyuarat dibenarkan untuk dijalankan pada hari Jumaat/Sabtu minggu pertama, minggu ketiga dan minggu kelima bagi setiap bulan.** Jabatan ini juga mengambil maklum pengumuman kerajaan berhubung **Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)** sebagai langkah negara memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 ini.

3. Walau bagaimanapun, Jabatan ini boleh memberi kebenaran untuk pelaksanaan program tersebut kepada guru-guru di negeri Johor **secara dalam talian sahaja** pada tarikh **7 hingga 10 Disember 2020**, tanpa sebarang gangguan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah serta tidak mendatangkan sebarang implikasi kewangan kepada guru, sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Sehubungan dengan itu, tuan dibenarkan berhubung dengan Pn. Norhaliza Bte Saibun, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Johor di talian 07 2310 141 bagi tujuan perbincangan program serta Pengetua/ Guru Besar sekolah-sekolah negeri Johor untuk memohon kebenaran edaran maklumat program berkenaan kepada guru-guru sekolah.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(**HAJI SHAHARUDDIN BIN SAARI**)
 Pengarah
 Jabatan Pendidikan Negeri Johor



1. Timbalan Pengarah Pendidikan (Pengurusan Sekolah)
2. Timbalan Pengarah Pendidikan (Sektor Pembelajaran UP: Pn. Norhaliza Bte Saibun)
3. Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Johor

Tuan / Puan :	<i>Pn. Norhaliza</i>
Tindakan :	<input checked="" type="checkbox"/>
Sidang :	
Edaran :	
Makluman :	
Fail :	
Catatan :	<i>En Munir, bila mungkin.</i>
Tandatangan :	<i>MR</i>
Tarikh :	<i>28/10/20</i>